CARTA FUNGSI DOF

Lampiran 3

KETUA PENGARAH PERIKANAN

Menerajui pengurusan dan pembangunan sektor perikanan yang mampan merangkumi aspek polisi strategik sektoral dan korporal, dasar dan kawal selia perikanan di ZEE, lautan lepas dan segala aktiviti perikanan tangkapan dan akuakultur marin dan darat.

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN)

Merangka dan mengawal selia aspek pengurusan sumber perikanan (**perikanan tangkapan, konservasi dan perlindungan sumber**), **biosekuriti perikanan** dan pengoperasian Jabatan.

BAHAGIAN BIOSEKURITI PERIKANAN

Merancang, melaksana, memantau dan menilai dasar Biosekuriti di peringkat antarabangsa dan domestik, Pembangunan Standard Biosekuriti (CODEX & OIE) dan Biosekuriti Domestik serta dasar dan peraturan berkaitan pengurusan kesihatan ikan dan awam, termasuk pelaksanaan program kawalan rasmi kesihatan ikan dan awam bagi memastikan fungsi Jabatan sebagai penyedia perkhidmatan biosekuriti dan pihak berkuasa yang kompetan bagi kesihatan ikan dan awam dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan di seluruh Semenanjung, Sarawak termasuk Sabah.

BAHAGIAN KONSERVASI DAN PERLINDUNGAN PERIKANAN

Merangka, melaksana, memantau dan menilai program dan aktiviti pemantauan dan pengawasan sumber perikanan berdasarkan undang-undang persekutuan, negeri dan pematuhan kepada instrumen-instrumen antarabangsa untuk melindungi sumber perikanan negara serta melaksanakan usaha konservasi biodiversiti bagi memastikan kelestarian sumber perikanan.

BAHAGIAN SUMBER PERIKANAN TANGKAPAN

Merancang, membangun, menyelaras, melaksana dan memantau program pengurusan sumber perikanan yang boleh diperbaharui meliputi pembangunan perikanan tangkapan, dasar pelesenan negara, Akta Perikanan 1985, pengurusan sumber, perikanan rekreasi kelautan, pembangunan tuna dan perikanan darat bagi memastikan penerokaan sumber secara mapan di perairan negara dan laut lepas serta menjamin bekalan makanan negara, peningkatan pendapatan nelayan, dan mengurangkan kebergantungan import (food security).

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Merancang, menyelaras, melaksana dan memantau operasi pentadbiran dan kewangan, perolehan, pengurusan aset, perkhidmatan dan perjawatan serta pengurusan maklumat Jabatan.

CAWANGAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Merancang, menyelaras dan melaksanakan pembangunan dan pengurusan program-program ICT dan sistem digital di Jabatan bagi meningkatkan kecekapan operasi dan tadbir urus Jabatan

BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

Merangka, merancang, membangun dan mengawalselia dasar dan strategi korporat dan sektoral sektor perikanan Negara serta belanjawan dan program penilaian impak projek pembangunan, program kerjasama antarabangsa dan penyediaan data statistik perikanan Negara .

INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN

Merancang, melaksana, memantau dan menilai program R & D & C bagi 13 program utama di 13 Institut di bawah Institut Penyelidikan Perikanan Malaysia (FRI) melalui penyediaan maklumat saintifik berteraskan penyelidikan yang berkaliber..

INSTITUT SUMBER MARIN ASIA TENGGARA (ISMAT)

Menyedia, menyelaras dan melaksana forum serantau dan nasional bagi perundingan dan kerjasama dalam penyelidikan dan pengurusan sumber perikanan marin untuk menyokong kemampanan pembangunan dan pengurusan sumber perikanan di negara anggota SEAFDEC di Asia Tenggara.

PEJABAT UNDANG-UNDANG

Memberi khidmat nasihat dan melaksanakan tugas perundangan dalam aspek pendakwaan, perbicaraan dan rayuan, nasihat perundangan, penggubalan undang-undang, penyemakan dan pembaharuan undang-undang, guaman dan hal ehwal antarabangsa kepada Jabatan Perikanan untuk pemuliharaan, pengurusan dan pemajuan sektor perikanan di Malaysia serta menguatkuasakan Akta Perikanan 1985 serta Peraturan- Peraturan Perikanan dan Kaedah-Kaedah Perikanan.

UNIT INTEGRITI

Merangka, menyelaras dan memantau pelaksanaan inisiatif penginstitusian integriti, pencegahan, pematuhan, pengesanan salahlaku integriti dan memastikan tindakan punitif lebih fokus, terancang, efisien dan berkesan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Menyelaras dan memantau pembentukan imej korporat Jabatan Perikanan Malaysia melalui sistem penyampaian maklumat yang strategik bagi memastikan Jabatan disegani dan penyampaian maklumat yang berkesan disalurkan kepada kumpulan sasar.

PEJABAT PERIKANAN NEGERI / WILAYAH PERSEKUTUAN

Melaksanakan pengurusan dan pembangunan sektor perikanan di negeri-negeri berdasarkan Kaedah dan Peraturan di bawah Akta Perikanan 1985, dasar dan polisi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan dasar semasa bagi 13 Negeri dan 2 Wilayah Persekutuan kecuali Sabah.

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

Merangka dan mengawalselia dasar dan pembangunan pengeluaran, pemodenan, pembangunan kapasiti dan pengembangan industri sektor perikanan.

BAHAGIAN AKUAKULTUR

Merancang, membangun, melaksana dan mengawalselia program pembangunan akuakultur bagi memastikan pengurusan akuakultur menyumbang kepada kemampanan pengeluaran, induk dan pembenihan serta peningkatan ekonomi,

BAHAGIAN KEJURUTERAAN

Merancang, merekabentuk, melaksana, memantau dan mengurus kontrak dan kewangan projek pembangunan/naiktaraf/pembaikan infrastruktur, kemudahan dan aset Jabatan seperti vesel, hatcheri, nurseri, sangkar, kolam, tukun tiruan, serta memberi khidmat nasihat teknikal dalam pelbagai disiplin kejuruteraan perikanan (pemeriksaan vesel, pemodenan vessel, mekanisasi dan automasi dalam industri perikanan).

BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Merancang, menyelaras dan melaksanakan pembangunan sumber manusia yang kompeten dan berketrampilan dalam memenuhi keperluan strategik penjawat awam Jabatan dan meningkatkan pengetahuan golongan sasar industri perikanan melalui pelaksanaan Pelan Operasi Latihan (POL) yang komprehensif(upskilling dan reskilling), menjalin kerjasama dengan pihak/agensi dalam dan luar negara, khidmat nasihat dalam pembangunan standard (NOSS) dan MQA bagi golongan belia, mengawalselia sistem pengurusan kualiti (ISO, Star Rating,KIK, Indeks Kepuasan Pelanggan) dan Pembangunan laluan kerjaya bagi memenuhi pelan penggantian Jabatan (succestion plan) serta profiling penjawat awam Jabatan seluruhnya.

AKADEMI PERIKANAN MALAYSIA (APM)

Menyelaras dan melaksanakan program latihan dan kursus kepada kakitangan perikanan, belia dan pemain industri perikanan mengikut dasar dan strategi pembangunan modal insan Jabatan.

BAHAGIAN PENGEMBANGAN PERIKANAN

Merancang, menyelaras dan melaksanakan khidmat sokongan melibatkan aktiviti pengembangan seperti libat urus, peningkatan kemahiran, khidmat nasihat, inovasi, demonstrasi dan pemindahan teknologi, transformasi dan peningkatan produktiviti, pembangunan komuniti perikanan, pembangunan usahawan, sebaran informasi dan promosi kepada pihak berkepentingan (nelayan laut, nelayan darat, penternak akuakultur, usahawan IAT dan agropreneur).

BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

Merangka, merancang, membangun dan mengawalselia dasar dan strategi korporal dan sektoral bagi sektor perikanan Negara serta belanjawan dan program penilaian impak projek pembangunan, program kerjasama antarabangsa dan penyediaan data statistik perikanan Negara .

CAWANGAN PEMBANGUNAN

1. Merancang dan menyelaras permohonan program/projek, penyediaan serta perumusan projek-projek pembangunan rancangan lima (5) tahun Jabatan.
2. Menyediakan pembentangan permohonan bajet kepada MOA dan EPU
3. Memantau dan mengawal selia pelaksanaan projek-projek pembangunan Jabatan supaya ianya selaras dengan misi, visi dan objektif Jabatan.
4. Menyelaras siling, peruntukan dan skop program/projek pembangunan.
5. Menyelaras dan menyediakan belanjawan termasuk agihan peruntukan bagi projek-projek pembangunan Jabatan.
6. Mengemaskini data kemajuan projek jabatan dalam sistem SPPII dan ICU
7. Menyedia laporan kemajuan fizikal dan perbelanjaan projek jabatan kepada kementerian/agensi pusat
8. Menyelaras penyediaan pembentangan Penilaian Outcome Projek kepada kementerian
9. Menyelaras penyediaan maklumat bagi lawatan inspektorat projek oleh kementerian
10. Menyelaras proses pengambilan dan pemilikan serta mengawal penggunaan tanah-tanah hak milik Jabatan.
11. Menjadi urus setia Mesyuarat JK Tindakan Pembangunan Jabatan (JTPJP), Mesyuarat Peg. Pembangunan dan Pemantauan Tanah Jabatan (MPPEM).
12. Menyediakan maklum balas/input bagi Mesyuarat JK Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK), JK Underutilised, JKPO dan lain-lain
13. Menyelaras Inventori Tanah Jabatan (Land Inventory System)
14. Menyelaras pengawalan tanah milik jabatan, kes pencerobohan tanah serta permohonan perolehan tanah (pengambilan,pemilikan,tukar guna, belian dan perizaban)
15. Menyelaras cadangan pelepasan tanah PTP kepada jabatan/agensi persekutuan
16. Menyelaras permohonan pajakan/sewa tanah/ruang bangunan milik PTP oleh swasta, individu atau inkubator dan lain-lain perkara berkaitan
17. Menyelaras jawapan pemantauan/audit kepada agensi lain seperti Jabatan Audit Negara (JAN), ICU JPM dan EPU.

- **CAWANGAN PENGUTIPAN DATA PERIKANAN**
- **CAWANGAN PERANCANGAN**
- **CAWANGAN PELABURAN DAN PERUNDINGAN**

CAWANGAN ANTARABANGSA

1. Merancang, menyelaras, menganalisa dan mengemaskini status serta mengedarkan maklumat dan maklum balas berkenaan dengan hal ehwal antarabangsa perikanan termasuk perdagangan antarabangsa supaya kepentingan negara terpelihara.
2. Memastikan bahawa segala obligasi peringkat antarabangsa berkaitan hal ehwal antarabangsa perikanan seperti konvensyen/ perjanjian antarabangsa serta projek-projek di bawah kerangka kerjasama antarabangsa seperti ASEAN, SEAFDEC, UN (FAO, CBD, CITES, IUCN, IMO) dan lain-lain yang perlu dilaksanakan di Malaysia diselaras, dirancang, dilaksanakan dan dikaji semula keberkesanan pelaksanaanya;
3. Menyelaras, mengkaji dan menyedia bersama dengan Focal Point/ National Coordinator sebarang Nota Intervensi, Brief, Position and Background Paper, dan Kenyataan Rasmi, bagi pihak Jabatan dan Negara dalam hal ehwal antarabangsa perikanan termasuk perdagangan antarabangsa merangkumi isu-isu semasa dan memastikan bahawa ianya menepati dasar/ perundangan Negara dan memenuhi obligasi antarabangsa;
4. Menyelaras sebarang permohonan dan notifikasi dari pihak Luar Negara atau Organisasi Antarabangsa berkaitan hal ehwal antarabangsa perikanan termasuk perdagangan antarabangsa;
5. Menyelaras, mengemaskini dan memuktamadkan segala bentuk perjanjian dan MOU berkaitan dengan hal ehwal antarabangsa (termasuk bidang pengurusan, penguatkuasaan, perdagangan dan isu-isu semasa) ;
6. Pengurusetiaan sesi perbincangan/ mesyuarat/ bengkel/ persidangan/ seminar antarabangsa anjuran Jabatan di mana Cawangan Antarabangsa dilantik sebagai Focal Point/ Sekretariat;
7. Menguruskan kelulusan pegawai-pegawai bagi menghadiri mesyuarat/seminar/bengkel/misi perdagangan/delegasi YB Menteri ke luar negeri;
8. Membantu dalam penyediaan Memorandum, Nota Jemaah Menteri atau maklumbalas Jabatan/ Kementerian kepada draf Memorandum yang berkaitan dengan hal ehwal antarabangsa perikanan
9. Menyelaras dan mengemaskini perlantikan Focal Point/ Key Project Leader/ Committee Member / National Coordinator/ Coordinating Officer/ Standing Member / Technical Advisor / National Expert yang berkaitan dengan hal ehwal antarabangsa perikanan termasuk perdagangan antarabangsa peringkat Jabatan atau Negara.

BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

Merangka, merancang, membangun dan mengawalselia dasar dan strategi korporal dan sektoral bagi sektor perikanan Negara serta belanjawan dan program penilaian impak projek pembangunan, program kerjasama antarabangsa dan penyediaan data statistik perikanan Negara .

CAWANGAN PENGUTIPAN DATA PERIKANAN

1. Merancang, merekabentuk dan membangun program dan sistem pengutipan data perikanan.
2. Melaksanakan dan menyelia program pengutipan data tangkapan ikan marin, akuakultur, perikanan darat, lepas tuai dan dagangan perikanan.
3. Menyimpan, memproses dan menganalisis data perikanan.
4. Menyelaraskan data perikanan dengan agensi-agensi lain seperti MAQIS, LKIM, DOSM, dan lain-lain yang berkaitan
5. Menyediakan input pelaporan SDG bagi sektor perikanan
6. Menyediakan buku laporan perangkaan perikanan tahunan.
7. Melaksanakan penyelarasan dan penyeragaman data secara berkala bagi peringkat Ibu Pejabat, PPN dan Daerah.
8. Memberikan input kepada Pengurusan Tertinggi Jabatan dalam membuat keputusan (informed decision), penggubalan dasar, strategi dan hala tuju Jabatan.
9. Menasihat pihak pengurusan Jabatan mengenai perubahan arah aliran data perikanan
10. Menyediakan laporan tahunan perikanan kepada badan antarabangsa yang berkenaan seperti FAO, EU.
11. Membekal data utama sektor perikanan negara kepada MAFI, DOSM, Bank Negara, LHDN, KPDNHEP, EPU, IPT serta badan antarabangsa seperti FAO, SEAFDEC, UNESCAPE, IOTC dan lain-lain.
12. Membekalkan maklumat perikanan umum kepada industri perikanan serta mana-mana pihak yang memerlukan.
13. Menyediakan SOP Pengutipan Data Perikanan yang terbahagi kepada tiga (3) Jilid iaitu SOP Perikanan Tangkapan, Akuakultur dan Perikanan Darat

**CAWANGAN PERANCANGAN

1. Merancang dan menguruskan penggubalan serta memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan dasar serta hala tuju strategi bagi pembangunan dan pengurusan sumber perikanan negara selaras dengan dasar-dasar kerajaan semasa (Rancangan Fizikal Negara, DAN, DKBK, Dasar Perubahan Iklim, dll yang berkaitan) dan obligasi antarabangsa.
2. Menyelaras penilaian keberkesanan perundangan perikanan dan merancang penggubalan perundangan baharu dan pindaan terhadap perundangan semasa.
3. Menyelaras dan menganalisa pelaksanaan pelan-pelan sektoral dan Garis Panduan di bawah Jabatan
4. Menyelaras ke atas semua perkara yang berkaitan dengan urusan Parlimen.
5. Menyelaras semua input dan komen bagi projek-projek pembangunan yang berisiko menjejaskan sumber dan habitat perikanan.
6. Menyelaras permohonan kelulusan penyelidikan dalam dan luar negara oleh penyelidik
7. Menganggotai Jawatankuasa-jawatankuasa teknikal luar Jabatan bagi perkara-perkara yang menyentuh sektor perikanan.
8. Menyelaras dan memberikan khidmat nasihat/input teknikal/ulasan bagi perkara-perkara berkaitan sektor perikanan
9. Merancang, menggubal, mengkaji dan menggerakkan mekanisme dasar korporat Jabatan termasuk hubungan strategik antara agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, IPTA dan IPTS serta badan korporat.
10. Menjadi urus setia kepada mesyuarat-mesyuarat utama Jabatan (JPJP dan MPJP) termasuk mesyuarat antara Jabatan dengan Agensi lain serta persidangan tahunan untuk pegawai Jabatan.
11. Menyediakan maklum balas / input / Nota / Memorandum mesyuarat-mesyuarat Jemaah Menteri, Pasca Kabinet, Pengurusan MOA, Ketua Jabatan dan lain-lain.
12. Menyelaras penyediaan laporan tahunan Jabatan.

*CAWANGAN PELABURAN DAN PERUNDINGAN

1. Menyebarluas maklumat dan memberi khidmat perundingan prospek pelaburan dan model perniagaan yang sesuai kepada syarikat swasta dan bakal pelabur dalam bidang akuakultur, perikanan tangkapan, industri pemprosesan berasas ikan dan perniagaan khidmat sokongan perusahaan perikanan.
2. Menyelaras fasilitasi perdagangan dalam dan luar negara dalam sektor perikanan.
3. Merancang, mengurus dan menyemak Program Galakan Insentif termasuk pengecualian cukai dan Galakan Padanan bagi sektor perikanan.
4. Menyelaras penganjuran dan penyertaan industri di dalam ekspo peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan dengan industri perikanan.
5. Memantau projek pembangunan East Coast Economic Region (ECER) dan Northern Corridor Implementation Authority (NCIA).

Nota:

- *Cawangan bertanda * adalah Cawangan Baharu berdasarkan keputusan Mesyuarat JKPO Bil. 2/2022 – 21 Julai 2022 (Cawangan Asal yang dimohon dalam reorg ialah Cawangan Strategik dan Pembangunan Polisi);*
- *Fungsi Cawangan bertanda ** adalah disemak semula pada 16 Ogos 2022.*

INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN

Merancang, melaksana, memantau dan menilai program R & D & C bagi 13 program utama di 13 Institut/Bahagian/Pusat di bawah Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) melalui penyediaan maklumat saintifik berteraskan penyelidikan yang berkaliber.

INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN (FRI BATU MAUNG)

- Ibu pejabat bagi Institut Penyelidikan Perikanan yang merancang, melaksana, memantau dan menilai program R&D&C utama di 13 Institut/ Bahagian/Pusat.
- Menyediakan ulasan dan maklumat saintifik berteraskan penyelidikan yang dijalankan untuk menyokong kepada program pengurusan dan dasar Jabatan Perikanan Malaysia.
- Mengurus, menyelaras, melaksana dan memantau peruntukan kewangan di semua FRI
- Mengurus sumber manusia, aset dan pentadbiran FRI.

INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN (PUSAT PENYELIDIKAN KESIHATAN IKAN KEBANGSAAN, NAFISH)

- Penyelidikan kesihatan ikan meliputi kajian epizootiologi, pembanguan vaksin/kit diagnostik, pengawalan penyakit dan rawatan alternatif (berasaskan herba-herba , berkos efektif dan praktikal serta mesra alam).
- Memberi khidmat nasihat kepakaran dan pengetahuan teknikal kepada pihak yang berkaitan dan kumpulan sasar
- Kajian Kemunculan penyakit yang tidak dijangka/baru (emerging/re-emerging).
- Melaporkan status penyakit haiwan akuatik semasa bagi laporan QAAD kepada NACA dan OIE

PUSAT PENYELDIIKAN PENTAKSIRAN IMPAK PERSEKITARAN

- Penyelidikan pencemaran (nutrien, kimia toksik, pepejal terampai, biologi, mikro plastik) di perskitaran akuatik dan perairan perikanan
- Kajian alga berbahaya (HAB) dan kajian biotoksin
- Kajian DNA dan eDNA (Environmental DNA) bagi sampel perikanan dan penilaian kesan alam sekitar (perikanan)
- Penilaian kesesuaian perairan untuk ternakan
- Penyelidikan dan penilaian sosioekonomi golongan sasar
- Kajian Isu-isu keselamatan makanan

AKUARIUM TUNKU ABDUL RAHMAN, AKUATAR

- Penyelidikan propagasi karang.
- Penyelidikan ikan hiasan (kuda laut, ikan badut (clownfish), discuss dan lain-lain)
- Memberi khidmat nasihat teknikal dan perundingan dalam bidang-bidang kajian.
- Menguruskan operasi harian, aset hidup (ikan pameran) & aset alih AKUATAR.
- Pengurusan pelawat dan pengunjung harian AKUATAR

PUSAT PENYELIDIKAN INOVASI & PENGKOMERSILAN)

- Pengurusan pendaftaran harta intelek penyelidikan FRI
- Pengurusan kerjasama dan kolaborasi penyelidikan (MoU, MoA, Agreed minute, dan lain-lain)
- Pengurusan khidmat pengkomersialan
- Penganjuran seminar, persidangan, inovasi, promosi dan hebahan maklumat)
- Penerbitan jurnal, bulletin, kertas maklumat

PUSAT PENYELIDIKAN TAMAN LAUT NEGARA

- Menjalankan penyelidikan biodiversiti marin di kawasan Taman Laut.
- Menyediakan khidmat nasihat dan kepakaran mengenai ekosistem Taman Laut.
- Mempromosikan hasil penyelidikan di kawasan Taman Laut, melalui pembangunan galeri dan pelancongan ilmu yang interaktif.
- Menjalankan kolaborasi dan kerjasama pintar dengan agensi penyelidikan dan badan bukan kerajaan (NGO) di peringkat kebangsaan dan serantau2.
- Menjalankan kajian ke atas habitat karang di Malaysia yang berada di luar kawasan Taman Laut.
- Menjadi pusat rujukan inventori sumber Taman Laut Malaysia.

- **INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN AKUAKULTUR KRUSTASEA, PULAU SAYAK, KEDAH.**
  - **PUSAT PENYELIDIKAN MARIKULTUR, LANGKAWI, KEDAH**
- **INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN TANGKAPAN KAMPUNG ACHEH, PERAK.**
- **INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN AKUAKULTUR AIR TAWAR, GLAMI LEMI, NEGERI SEMBILAN.**
- **INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN AIR PAYAU, GELANG PATAH, JOHOR.**
- **INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN PENYU DAN SPESIES TERANCAM, RANTAU ABANG, TERENGGANU.**
- **INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN AKUAKULTUR MARIN, TANJUNG DEMONG, TERENGGANU.**
- **INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN WILAYAH SARAWAK DAN LABUAN, BINTAWA, SARAWAK.**

INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN

INSTITUT PENYELIDIKAN AKUAKULTUR KRUSTASEA (FRI PULAU SAYAK, KEDAH)

- Penyelidikan & pembangunan baka udang laut dan udang galah untuk tujuan akuakultur.
- Penyelidikan & pembangunan makanan semulajadi dan makanan rumusan untuk induk dan benih krustasea.
- Penyelidikan & pembangunan teknologi pembenihan moluska
- Memberi khidmat nasihat teknikal dan kepakaran dalam bidang pembenihan dan ternakan krustasea dan moluska,

PUSAT PENYELIDIKAN MARIKULTUR (LANGKAWI, KEDAH)

- Menjalankan penyelidikan dan pembangunan induk serta pembiakan gamat
- Menjalankan penyelidikan dan pembangunan baka rumpai laut dan pengkulturan kultur tisu rumpai laut
- Memberi khidmat nasihat teknikal berkaitan berkaitan akuakultur ikan marin di Langkawi.

INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN TANGKAPAN (FRI KG ACHEH, PERAK)

- Penyelidikan sumber perikanan marin (pelagic dan demersal) bagi pengumpulan data saintifik
- Penyelidikan pelbagai bidang dalam perikanan tangkapan (pentaksiran sumber, biologi ikan pelbagai spesies komersial, pengkayaan sumber dan teknologi tangkapan)
- Menjalankan kajian sumber perikanan di perairan negara (laut pantai, laut dalam) dan perairan antarabangsa.
- Menjalankan kajian perintis kaedah-kaedah pengurusan sumber (refugia perikanan)
- Mengkaji keberkesanan langkah-langkah pengurusan sumber (plan pengurusan, saiz mata keroncong minimum 38 mm, lampu berintensiti tinggi, pembanguan peralatan mesra alam, penyelidikan ketirisan ikan Negara, IUU).
- Memberi input saintifik dan perkhidmatan kepakaran dalam pelbagai bidang perikanan tangkapan.

INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN AIR TAWAR (FRI GLAMI LEMI)

- Penyelidikan akuakultur air tawar bagi spesies utama dan beberapa spesies baharu yang berpotensi bagi mencapai sasaran dasar jaminan makanan dan sekuriti makanan.
- Penyelidikan bagi pelan pengurusan stok semulajadi sumber genetik perikanan darat atau ikan sungai yang bernilai tinggi, spesies terancam dan ekologi air tawar.
- Penyelidikan pembiakbakan ikan hiasan dan tumbuhan akuatik.
- Penyelidikan impak ikan asing terlarang dan invasive.
- Penyelidikan makanan ikan

INSTITUT PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU (FRI GELANG PATAH, JOHOR)

- Penyelidikan dan pembangunan teknologi akuakultur air payau (ternakan dan asuhan).
- Penyelidikan dan pembangunan (R & D) baka induk udang laut (BMC).
- Menjalankan kajian penghasilan baka dan induk ikan marin (kerapu, siakap dan lain-lain)
- Penyelidikan ternakan kerang dan siput sudu.
- Menjalankan pemindahan teknologi ternakan udang dan ikan air payau serta asuhan benih ikan melalui khidmat nasihat kepakaran.
- Memberi khidmat nasihat teknikal, diagnosa penyakit ikan/udan laut dan kajian kesesuaian tapak akuakultur.

INSTITUT PENYELIDIKAN PENYU & SPESIES MARIN TERANCAM (FRI RANTAU ABANG, TERENGGANU)

- Penyelidikan pemuliharaan penyu dan spesies marin terancam (dugong dan paus).
- Melaksana kerja-kerja menyelamat species penyu dan mamalia marin.
- Memberi khidmat nasihat teknikal dan pusat rujukan berkaitan program pemuliharaan spesies marin terancam.
- Mempengerusikan Kumpulan Kerja Teknikal Kebangsaan Pengurusan dan Pemuliharaan Dugong, Penyu dan spesies marin terancam dalam senarai CITES

INSTITUT PENYELIDIKAN AKUAKULTUR IKAN MARIN (FRI TG DEMONG, TERENGGANU)

- Penyelidikan dan pembangunan baka ikan marin (kerapu, siakap, jenahak dan lain-lain spesies bernilai ekonomi)
- Penyelidikan teknologi pembenihan, sistem asuhan dan ternakan ikan marin.
- Penyelidikan penghasilan makanan hidup higenik dan berkepadatan tinggi.
- Kajian penggunaan rawatan alternatif untuk pengurusan kesihatan ikan dan pemilihan tapak akuakultur.
- Menjalankan pemindahan teknologi dan khidmat kepakaran berkaitan akuakultur ikan marin kepada kumpulan sasar (syarikat-syarikat swasta, IPTA, IPTS dan pengusaha akuakultur).

INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN WILAYAH SARAWAK & LABUAN (FRI BINTAWA, SARAWAK)

- Penyelidikan, pembangunaan & pengurusan sumber Perikanan Marin di Sarawak, Sabah dan WP Labuan.
- Penyelidikan dalam bidang utama Kepulauan Oseanik dan Ekosistem berkaitan kima, tukun tiruan dan karang.
- Merancang, mengurus dan menjalankan penyelidikan di Stesen Penyelidikan Marin Pulau Layang Layang dan Taman Laut WP Labuan
- Penyelidikan dan pembangunan baka induk, pembenihan dan ternakan udang galah.
- Kajian pengawalan kesihatan ikan/udang.
- Memberi khidmat nasihat teknikal dan kepakaran dalam bidang pengurusan perikanan tangkapan dan akuakultur di Sarawak dan WP Labuan.

CARTA FUNGSI

Lampiran 3.1 (c)

INSTITUT SUMBER MARIN ASIA TENGGARA (ISMAT)

Menyedia, menyelaras dan melaksana forum serantau dan nasional bagi perundingan dan kerjasama dalam penyelidikan dan pengurusan sumber perikanan marin untuk menyokong kemampanan pembangunan dan pengurusan sumber perikanan marin di negara anggota SEAFDEC di Asia Tenggara.

CAWANGAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

1. Merancang dan melaksana urusan pentadbiran dan aset ISMAT - SEAFDEC/MFRDMD.
2. Mengurus dan bertanggungjawab ke atas hal-hal kewangan dan perakaunan ISMAT - SEAFDEC/MFRDMD.
3. Memberi khidmat sokongan logistik kepada program penyelidikan serantau dan nasional.
4. Mengurus dan mengawal selia hal-hal pentadbiran dan perkhidmatan kakitangan.

CAWANGAN BIOLOGI DAN PENTAKSIRAN SUMBER

1. Merancang, menyelaras dan menjalankan kajian biologi dan taksonomi hidupan marin.
2. Merancang, menyelaras dan menjalankan kajian genetik populasi ke atas ikan dan spesies marin terancam.
3. Merancang, menyelaras dan menjalankan kajian pentaksiran stok sumber perikanan marin yang dikongsi bersama di perairan negara anggota SEAFDEC di Asia Tenggara.
4. Bekerjasama di peringkat serantau dalam menjayakan survei sumber perikanan marin di perairan negara anggota SEAFDEC di Asia Tenggara.
5. Merancang, menyelaras dan menjalankan kajian sumber perikanan pelagik menggunakan teknologi satelit diperingkat nasional.

CAWANGAN OSEANOGRAFI PERIKANAN DAN PENINGKATAN SUMBER

1. Merancang, menyelaras dan menjalankan kajian oseanografi kimia, fizikal dan biologi bagi R&D tukun tiruan.
2. Merancang, menyelaras dan menjalankan kajian hubung kait di antara parameter oseanografi dengan taburan sumber perikanan marin.
3. Menyediakan khidmat nasihat dalam hal-hal oseanografi perikanan dan pengurusan sumber perikanan pantai terutama ikan demersal.
4. Mempertingkatkan kerjasama di peringkat serantau dalam menjayakan program peningkatan sumber perikanan marin di perairan negara anggota SEAFDEC di Asia Tenggara.
5. Mengkoordinasi dan melaksana program-program untuk meningkatkan keupayaan negara anggota SEAFDEC dalam pengurusan dan konservasi yu dah pari.

CAWANGAN KHIDMAT NASIHAT PENGURUSAN SUMBER PERIKANAN

1. Menyediakan khidmat nasihat berkenaan pengurusan sumber perikanan marin.
2. Menyediakan forum serantau untuk perundingan dan kerjasama dalam penyelidikan dan pengurusan sumber perikanan marin.
3. Menyelaras dan mewujudkan kerjasama serantau dalam memperolehi maklumat sumber perikanan marin dan menyediakan laporan komprehensif bagi tujuan pertimbangan langkah-langkah pengurusan perikanan serantau.
4. Menyelaras pengurusan sumber maklumat dan laman sesawang ISMAT-SEAFDEC/MFRDMD
5. Menerbit, mengedar dan bertukar maklumat melalui:
   a) Penganjuran forum serantau dan perundingan dalam penyelidikan dan pengurusan.
   b) Bahan bercetak dan elektronik.

UNIT UNDANG-UNDANG

Memberi khidmat nasihat dan melaksanakan tugas perundangan dalam aspek pendakwaan, perbicaraan dan rayuan, nasihat perundangan, penggubalan undang-undang, penyemakan dan pembaharuan undang-undang, guaman dan hal ehwal antarabangsa kepada Jabatan Perikanan untuk pemuliharaan, pengurusan dan pemajuan sektor perikanan di Malaysia serta menguatkuasakan Akta Perikanan 1985 serta Peraturan- Peraturan Perikanan dan Kaedah- Kaedah Perikanan .

1. Sumber rujukan mengenai Akta Perikanan 1985 [Akta 317], Peraturan-Peraturan dan Kaedah-Kaedah Perikanan serta aspek-aspek berkaitan perundangan perikanan.
2. Memberi khidmat nasihat, pandangan dan ulasan undang-undang berkaitan isu atau perkara untuk keputusan dalam dasar rancangan perikanan negara yang melibatkan aspek perundangan Malaysia atau antarabangsa.
3. Menentukan jenis kesalahan dan tindakan kepada pihak yang didakwa melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985, peruntukan-peruntukan dan Peraturan-Peraturan Perikanan di bawahnya.
4. Menjalankan pendakwaan, rayuan dan penyeliaan ke atas semua kes kesalahan yang tidak boleh dikompaun di bawah Akta Perikanan 1985 di Mahkamah.
5. Menentukan jumlah kompaun yang patut dikenakan kepada pihak yang melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya bagi jenis kesalahan yang boleh dikompaun.
6. Menyemak draf perjanjian, persefahaman (MOU) dan kerjasama di antara jabatan dengan kumpulan sasaran atau pihak-pihak lain yang berkepentingan.
7. Menyemak draf rang undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan perikanan serta mendapatkan kelulusan Jabatan Peguam Negara sebelum dibahaskan di Parlimen atau diluluskan oleh menteri.
8. Merancang, menyelaras atau mengendalikan latihan kemahiran dan kursus untuk Kakitangan di dalam negeri atau luar negeri berkaitan perundangan perikanan.
9. Melaksanakan audit terhadap pengurusan kes-kes pendakwaan, kompaun, penyimpanan, pengurusan dan pelupusan barang kes serta fail kertas siasatan (IP) kes di seluruh negara.
10. Mengambil bahagian di dalam program-program yang mempunyai kaitan dengan aspek perundangan perikanan termasuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat untuk kepentingan Jabatan Perikanan..

UNIT INTEGRITI

Merangka, menyelaras dan memantau pelaksanaan inisiatif penginstitusian integriti, pencegahan, pematuhan, pengesanan salahlaku integriti dan memastikan tindakan punitif lebih fokus, terancang, efisien dan berkesan.

SEKSYEN PENGUKUHAN INTEGRITI, PENGESANAN DAN PENGURUSAN ADUAN

Pengukuhan Integriti

1. Merancang, menyelaras dan melaksanakan program kesedaran, persidangan, latihan, seminar dan pendidikan.
2. Memantau dan menganalisis prestasi dan pelaporan pelaksanaan program pengukuhan integriti dan penerapan nilai murni di jabatan.
3. Menyelaras dan melaksanakan penyediakan artikel/ input bahan-bahan bacaan pengukuhan integriti untuk penerbitan, cetakan, hebahan dan promosi kepada pegawai dan kakitangan.
4. Merangka dan melaksanakan jaringan kerjasama dengan Ketua Bahagian atau Sektor atau Unit dalam agensi untuk membentuk program pengukuhan integriti.
5. Menetap dan melaksanakan advokasi pencegahan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan kepada warga agensi selaras dengan objektif Pelan Anti Rasuah Malaysia.

Pengesanan dan Pengesahan

1. Merangka menyelaras dan melaksanakan tugas-tugas pengesanan dan pengesahan pelanggaran integriti, pelanggaran tatakelakuan dan etika agensi.
2. Menilai dan melaksanakan pengesahan berkaitan maklumat mengenai perilaku rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018, pelanggaran tatakelakuan & etika agensi dan lain-lain kesalahan.
3. Meneliti dan melaksanakan penyediaan laporan lengkap hasil dari pengesahan yang dilakukan berserta ulasan dan syor untuk tindakan pihak lain yang berkaitan atau Unit Tatatertib untuk prosiding tatatertib.
4. Menilai dan melaksanakan pengesanan terhadap kelemahan sistem dan prosedur agensi dan merujuk kepada Bahagian Pemeriksaan & Perundingan (BPMP), SPRM untuk pemeriksaan lanjut atau mendapatkan khidmat nasihat.

Pengurusan Aduan

1. Merangka satu Sistem Pengurusan Aduan UI (manual/online) dalam Jabatan.
2. Meneliti penerimaan maklumat/ aduan mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika agensi.
3. Menilai maklumat/aduan melalui JawatanKuasa Menilai Maklumat.
4. Menganalisis maklumat/ aduan yang berkaitan integriti sahaja seperti isu rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan serta pelanggaran tatakelakuan dan etika akan dibawa ke peringkat seterusnya untuk diambil tindakan oleh Sub-Unit Pengesanan dan Pengesahan.
5. Menyelaras maklumat/ aduan yang bersifat pentadbiran untuk tindakan dalaman jabatan.
6. Meneliti Laporan SPRM (LSPRM) dan merujuk kepada KJ untuk tindakan lanjut.
7. Menganalisis trend/jenis/kategori aduan yang diterima.
8. Menyelaras penyediaan Laporan Pengurusan Aduan Bulanan untuk pemantauan.
9. Merangka jalinan kerjasama dengan Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat atau lain-lain bahagian untuk penambahbaikan Sistem Pengurusan Aduan. Menilai pengesanan terhadap kelemahan sistem dan prosedur agensi dan merujuk kepada Bahagian Pemeriksaan & Perundingan (BPMP), SPRM untuk pemeriksaan lanjut atau mendapatkan khidmat nasihat.

SEKSYEN TADBIR URUS, PEMATUHAN DAN TATATERTIB

Tadbir Urus

1. Menyemak dan mengkaji dasar, sistem dan prosedur kerja serta mencadangkan penambahbaikan
2. Menyelia dan menyelaras penambahbaikan sistem prosedur dalaman.
3. Meneliti dan melaksanakan semakan lanjut berdasarkan maklum balas yang diterima dan merangka tindakan pematuhan atau pengukuhan integriti sekiranya perlu.
4. Menyelaras pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR).
5. Merancang dan mengambil tindakan susulan ke atas keputusan Mesyuarat JAR Kebangsaan dan MAFI

Pematuhan

1. Menyelia tahap pematuhan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan sistem dan prosedur dan lain-lain peraturan yang berkuat kuasa pada setiap peringkat dalam jabatan.
2. Menyemak, mengkaji, mengesah dan engesyorkan cadangan penambahbaikan berkaitan ketidakpatuhan terhadap dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara dan Laporan Audit Dalam.
3. Meneliti dan memastikan setiap teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara dan Laporan Audit Dalam diambil tindakan oleh jabatan.
4. Menyelia dan melaksanakan pemeriksaan berjadual/ berkala atau tidak berjadual terhadap pematuhan peruntukan undang-undang, peraturan dan arahan.
5. Merancang, melaksana dan menilai aktiviti bagi membantu jabatan menjawab teguran audit melalui program kesedaran seperti bengkel dan ceramah.
6. Menyelia dan memantau isu ketidakpatuhan untuk tindakan susulan.
7. Meneliti dan memantau amalan dan pematuhan terhadap Kod Etika Jabatan.

Tatatertib

1. Meneliti dan menyemak laporan siasatan kes daripada Jawatankuasa Siasatan Dalaman mengenai penemuan Audit Dalam atau Laporan Ketua Audit Negara; atau Laporan Ketua Jabatan mengenai kes salah laku.
2. Menyelaras dan melaksanakan penyediaan kertas untuk pertimbangan Pengerusi Lembaga Tatatertib bagi penentuan Prima Facie.
3. Menyelaras dan melaksanakan penyediaan surat pertuduhan kepada pegawai yang dituduh.
4. Menetapkan Mesyuarat Lembaga Tatatertib.
5. Menyelaras dan mengurusetiakan Mesyuarat Lembaga Tatatertib.
6. Menyelia dan melaksanakan tindakan susulan terhadap keputusan/hukuman Mesyuarat Lembaga Tatatertib.
7. Menyelaras dan melaksanakan penyediaan laporan tatatertib kepada JPA atau lain-lain pihak yang berkaitan.
8. Memantau dan mengambil tindakan terhadap kes-kes tatatertib semasa dan tertunggak agar diselesaikan segera.
9. Merangka dan melaksanakan kajian ke atas data-data kes tatatertib untuk mengenal pasti isu dan trend bagi cadangan penambahbaikan penginstitusian integriti di agensi awam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Menyelaras dan memantau pembentukan imej korporat Jabatan Perikanan Malaysia melalui sistem penyampaian maklumat yang strategik bagi memastikan Jabatan disegani dan penyampaian maklumat yang berkesan disalurkan kepada kumpulan sasar.

1. Mempromosikan dasar,program dan aktiviti jabatan ke arah pembentukan imej yang positif melalui promosi dan publisiti yang strategik dan berkesan
2. Menggalakkan penyertaan dan meningkatkan penghayatan serta member kefahmana publik mengenai dasar,program dan aktiviti jabatan dengan lebih berkesan
3. Menguruskan komunikasi korporat dengan media dan merancang pelan tindakan media dalam penyebaran maklumat secara efisien bagi memenuhi ketepatan masa dan objektif jabatan secara keseluruhan
4. Bertindak sebagai jurucakap jabatan dalam menyampaikan maklumat berhubung dengan fakta dan situasi yang berkaitan dengan jabatan dengan kebenaran ketua jabatan.
5. Memantau dan menilai liputan media dan kesannya mengenai perkembangan semasa agensi serta member maklumbalas kepada isu-isu yang dibangkikan.
6. Menguruskan maklumbalas berhubung isu yang melibatkan imej jabatan serta membentuk perhubungan dengan media dalam membetulkan salah liputan atau tanggapan
7. Berperanan sebagai penasihat dalam bidang komunikasi korporat dan perhubungan pengurusan media serta protocol bagi merancang dan menasihati pihak pengurusan tertinggi tentang strategi-strategi komunikasi korporat
8. Bertindak sebagai penyelaras media dan menjadi sebahagian daripada pihak pengurusan jabatan
9. Bertanggungjawab merancang dan melaksanakan pelan tindakan pengurusan acara bagi aktiviti rasmi di jabatan berhubung promosi,publisiti dan kempen dengan media
10. Menjalin dan memupuk hubungan baik dengan media tempatan dan luar Negara secara berterusan bagi menentukan sasaran mendapat gambaran atau maklumat sebenar tentang organisasi yang melibatkan dasar dan perkembangan semasa
11. Sebagai penyelaras aduan pelanggan jabatan dalam mesyuarat pengurusan
12. Menjalankan tugas-tugas lain dalam bidang Komunikasi Korporat, pengurusan dan perhubungan media yang diarahkan ketua jabatan dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN BIOSEKURITI PERIKANAN

Merancang, melaksana, memantau dan menilai dasar Biosekuriti di peringkat antarabangsa dan domestik, Pembangunan Standard Biosekuriti (CODEX & OIE) dan Biosekuriti Domestik serta dasar dan peraturan berkaitan pengurusan kesihatan ikan dan awam, termasuk pelaksanaan program kawalan rasmi kesihatan ikan dan awam bagi memastikan fungsi Jabatan sebagai penyedia perkhidmatan biosekuriti dan pihak berkuasa yang kompetan bagi kesihatan ikan dan awam dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

CAWANGAN KESIHATAN IKAN DAN AWAM

1. Merancang, menyedia dan mengemaskini polisi berkaitan pengurusan dan kawalan kesihatan ikan dan awam.
2. Menyelia, melaksana dan mengemaskini pelaksanaan program kawalan rasmi kesihatan ikan dan awam di dalam negara melalui program pemantauan dan survalen.
3. Menyediakan cadangan notifikasi, laporan status serta maklumat bagi tujuan pelaporan di peringkat dalaman, kebangsaan dan antarabangsa.
4. Penyelaras kebangsaan bagi pengurusan ikan asing berbahaya (*Invasive Alien Species – IAS*) dan pengurusan ikan larangan.
5. Urusetia kebangsaan bagi Langkah kawalan ketahanan antimikrob (*Antimocrobial Resistence - AMR*) dalam sektor akuakultur Kebangsaan.
6. Urusetia dan penyelarasan kebangsaan bagi pihak berkuasa kompeten kesihatan ikan negara.
7. Urusetia amalan kebajikan haiwan dan makanan ternakan akuatik kebangsaan.

CAWANGAN AUDIT, PENSIJILAN DAN CITES

1. Merancang, menyelaras, dan memperakukan Program Skim Pensijilan Biosekuriti Perikanan;
   a) MyGAP
   b) Hygiene on Board (HOB),
   c) Fish Quality Certificate,
   d) Good Manufacturing Practices (GMP) Kilang Makanan Ikan/Tepung Ikan.
   e) Pusat Penetasan Ikan Luar Negara.
2. Merancang dan memantau program pembangunan dan pengukuhan ketrampilan juruaudit biosekuriti perikanan.
3. Merancang dan menyelaraskan prosedur pengeluaran sijil eksport ikan dan hasilan ikan.
   a) Sijil Kesihatan Ikan Hidup.
   b) Sijil Kesihatan (Perakuan Bebas Penyakit bagi Hasilan Ikan)
   c) Sijil Tempasal Ikan Hidup.
   d) Sijil Tempasal Bukan Keutamaan Ikan dan Hasilan Ikan.
4. Merancang, menyelaras, mengurus perakuan dan pengawalseliaan sebagai Pihak Berkuasa Pengurusan CITES Perikanan Semenanjung Malaysia termasuk Pendaftaran dan Pensijilan Geneva.

CAWANGAN STANDARD DAN PERKHIDMATAN MAKMAL

1. Menyelaras perkhidmatan dan analisis di makmal-makmal membangunkan organisasi bagi memastikan operasi berjalan lancar.
2. Membangun dan melaksana standard, SOP, Peraturan dan dasar Biosekuriti domestik.
3. Penyelaras peraturan standard Biosekuriti antarabangsa (CODEX & OIE).
4. Menyelaras dasar biosekuriti antarabangsa.
5. Urusetia Pembangunan standard bagi kod amalan baik perikanan dan akuakultur negara.
6. Urusetia dan penyelaras aktiviti audit negara luar ke atas amalan kawalan rasmi Malaysia ke atas ikan dan hasilan ikan tempatan.

PUSAT BIOSEKURITI PERIKANAN KUALA LUMPUR

1. Melaksanakan tugas sebagai makmal bagi analisis kehadiran sebatian kontaminan dilarang dalam ikan dan hasilan ikan tempatan.
2. Analisis bagi kehadiran *DNA Porcine* di dalam sampel ikan dan hasilan ikan kebangsaan.
3. Analsis mikrobiologi pada ikan dan hasilan ikan.
4. Analisis mengesan kahadiran logam berat dan antibiotic di dalam ikan, makanan ikan tan hasilan ikan.
5. Analisis rasmi bagi Aquaculture Residue Monitoring Programme (ARMP) bagi tujuan eksport ke Kesatuan Eropah)
6. Analisis sampel SPS Akua dan SPS Marine bagi program sanitary and phytosanitary perikanan.

UNIT BIOSEKURITI PERIKANAN NEGERI SABAH

1. Melaksanakan tugas kawalan rasmi bagi biosekuriti perikanan di negeri.
2. Pelaksanaan program pensampelan di peringkat negeri Sabah.
3. Pelaksanaan tugasan selaku pengesah aktiviti pengauditan susulan bagi program pensijilan biosekuriti.
4. Program pensampelan pra eksport bagi ikan dan hasilan ikan di Sabah.
5. Penutupan Corrective Action Request progeam pensijilan biosekuriti perikanan.
6. Penyaluran bantuan peningkatan kemudahan biosekuriti kepada pengusaha yang layak menerima bantuan.

BAHAGIAN KONSERVASI DAN PERLINDUNGAN PERIKANAN

Merangka, melaksana, memantau dan menilai program Pemantauan dan Pengawasan sumber perikanan berdasarkan undang-undang persekutuan, negeri dan pematuhan kepada instrumen-instrumen antarabangsa untuk melindungi sumber perikanan negara serta melaksanakan usaha konservasi biodiversitI bagi memastikan kelestarian sumber perikanan.

CAWANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN TAMAN LAUT

1. Mencadang dan menilai penggubalan/pindaan/semakan dasar dan perundangan berhubung dengan Rizab Laut/Taman Laut/FPA;
2. Menyelaras dan melaksanakan proses Pewartaan Taman Laut /FPA baharu;
3. Memantau dan menyelaras pelaksanaan Pelan Strategik, KPI dan hala tuju Bahagian.
4. Pembentukan dan Semakan Semula Pelan Pengurusan Taman Laut dan pembentukan Garis Panduan berkaitanTaman Laut;
5. Merancang penambahbaikan sistem kutipan fi, perolehan tiket fi Taman Laut dan semakan Perintah Fi Taman Laut bagi pelaksanaan Fi Pemuliharaan dan Fi Aktiviti Taman Laut (Pindaan 2017).
6. Mewujudkan pelan tindakan bagi mengatasi isu ancaman setempat.
7. Merancang dan menyelaras pengurusan, pembangunan serta pengoperasian Taman Laut/FPA
8. Membuat pemantauan aktiviti pembangunan fizikal di Taman Laut serta menyediakan ulasan berkaitan.
9. Pelaksanaan penilaian keberkesanan Pengurusan Taman Laut (MEAT);
10. Merancang dan menguruskan tapak selam dan kawasan rekreasi air.
11. Merancang pengurusan aktiviti dan memantau kemudahan ekopelancongan di Taman Laut.
12. Merancang, menyelaras dan menyediakan dokumen bagi pelaksanaan Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Taman Laut dan Rizab Laut (MPKTLRL) dan Jawatankuasa Kerja MPKTLRL;
13. Menguruskan proses perolehan tanah dan menyimpan rekod-rekod tanah untuk kegunaan bahagian
14. Mengulas permohonan kajian/penyelidikan di Taman Laut yang dilaksanakan oleh NGO, IPTA/IPTS, badan korporat dan lain-lain.
15. Menyediakan nota intervensi kepada organisasi antarabangsa dan agensi tempatan bagi isu-isu mengenai Taman Laut dan MPA.
16. Menganggotai Jawatankuasa-Jawatankuasa Teknikal Antarabangsa dan Kebangsaan berkaitan Taman Laut (CBD, CTI dan lain-lain berkaitan).
17. Menyediakan input dan khidmat nasihat bagi isu berkaitan Taman Laut (SDG, parlimen dan lain-lain).
18. Mengurus, menyelaras, melaksana dan memantrau peruntukan Tabung Amanha Taman laut dan Rizab Laut.

CAWANGAN KONSERVASI EKOSISTEM DAN BIODIVERSITI

1. Mengenalpasti bidang kajian utama dan maklumat yang diperlukan dalam menyokong pengurusan Taman Laut.
2. Menyediakan maklumat saintifik bagi kawasan yang berpotensi untuk dijadikan kawasan perlindungan perikanan.
3. Merancang dan menyelaras aktiviti kajian bersama Pusat Penyelidikan Taman Laut Negara bagi kajian yang dilaksanakan di Taman Laut.
4. Melaksanakan pemantauan berkala bagi sekitaran marin dan sumber perikanan.
5. Menyediakan pelaporan berkala bagi status ekosistem akuatik.
6. Mengenalpasti isu dan ancaman terhadap habitat dan ekosistem akuatik.
7. Mengenalpasti kawasan yang mengalami degradasi.
8. Melaksanakan aktiviti rehabilitasi bagi pemuliharaan ekosistem akuatik dan sumber perikanan.
9. Mengenalpasti dan membuat pemetaan lokasi dan habitat di dalam perairan Taman Laut yang berisiko terancam dan melaksanakan program/aktiviti pemuliharaan yang bersesuaian.
10. Menjalankan pengurusan tukun bagi pemuliharaan sumber perikanan.
11. Pengolahan dan penyimpanan Pangkalan Data kawasan perlindungan taman laut dan perairan Malaysia
12. Penganalisaan data raya secara spatial dan temporal kepada bentuk Geospatial (spesies, habitat dan status kesihatan terumbu karang dan lain-lain).
13. Menghasilkan peta habitat dan sumber perikanan.
14. Mengurus dan memproses sebarang permohonan aktiviti dibawah Seksyen 43.
15. Mengurus dan memproses Permohonan Remitan Fi.
16. *Pengurusan spesis terancam termasuk penyu.
17. *Pengoperasian Pusat Konservasi Penyu/Marin.

Nota:
*1) Fungsi bertanda * adalah berdasarkan Keputusan JKPO Bil3/2022 pada 11 Ogos 2022 .*

BAHAGIAN KONSERVASI DAN PERLINDUNGAN PERIKANAN

Merangka, melaksana, memantau dan menilai program Pemantauan dan Pengawasan sumber perikanan berdasarkan undang-undang persekutuan, negeri dan pematuhan kepada instrumen-instrumen antarabangsa untuk melindungi sumber perikanan negara serta melaksanakan usaha konservasi biodiversitl bagi memastikan kelestarian sumber perikanan.

CAWANGAN PEMANTAUAN DAN PENGAWASAN

1. Melaksanakan program Pemantauan dan Pematuhan berdasarkan AP85 dan Peraturan-Peraturan Dibawahnya, undang-undang persekutuan dan negeri dan juga pematuhan kepada instrumen-instrumen antarabangsa.
2. Melaksanakan program kerjasama antara lain-lain agensi penguatkuasa dalam negara dan operasi bersepadu penguatkuasaan nasional dan serantau.
3. Melaksanakan program pemeriksaan dan verifikasi pematuhan sijil tangkapan Annex IV *(Catch Certificate :Annex IV)*
4. Menyediakan sokongan teknikal risikan, tangkapan, siasatan dan bantuan bagi proses pendakwaan.
5. Mengawalselia aktiviti dan komponen FISHCOM/FISHCOR
6. Melaksanakan pengawasan dan pemantauan vesel penangkapan ikan melalui Sistem Pemantauan Vesel di Ibu Pejabat dan Pangkalan-Pangkalan.
7. Menjalankan kerja-kerja program pemantauan vesel dan risikan vesel penangkapan ikan berdasarkan maklumat VMS.
8. Menyedia dan menganalisa data pergerakan vesel daripada sistem pengawasan dan pemantauan vesel untuk penguatkuasaan, pengurusan sumber dan penyelidikan.
9. Menyediakan sokongan teknikal penjejakan vesel kepada agensi penguatkuasa tempatan dan Antarabangsa.
10. Melaksanakan kerjasama pengawasan dan pemantauan melalui udara bersama lain-lain agensi penguatkuasaan.
11. *Menyelaras dan memantau pelaksanaan Program Pemantauan, pengawalan dan pengawasan (MCS) perikanan darat supaya sumber perikanan darat terpelihara dan peraturan-peraturan perikanan sungai dilaksanakan.

CAWANGAN KOLABORASI, PENDIDIKAN DAN LOGISTIKI

1. Mengurus, menyelaras, melaksana dan memantau bajet Bahagian
2. Menyedia, mengurus dan memantau keperluan aset dan logistik dalam keadaan siapsiaga.
3. Menyelaras dan pemantauan projek pembangunan/mengurus bahagian
4. Menyelaras dan mengurus perjawatan dan penempatan anggota Bahagian
5. Menyedia, mengurus dan memantau hal ehwal persenjataan dan peluru Jabatan
6. Mengurus dan memantau program pelupusan bot tahanan, barang rampasan dan aset-aset bahagian/pangkalan yang dilucuthak.
7. Mengurus, menyelia dan menyedia pakaian seragam anggota Penguatkuasa
8. Mengurus program naziran (Pangkalan, Stesen Pemantauan dan jeti).
9. Mengurus dan menyelia aspek pentadbiran Bahagian
10. Menyelaras Standard Operating Procedures (SOP) Bahagian.
11. Melaksana dan menguruskan kerjasama/kolaborasi strategik dengan pemegang taruh.
12. Merancang dan melaksanakan program pendidikan dan kesedaran awam.
13. Merancang, membangun, menyediakan bahan penerbitan dan publisiti.
14. Mengurus program pembangunan kapasiti latihan Bahagian.

Nota:
*1) Fungsi bertanda * adalah berdasarkan Keputusan JKPO Bil3/2022 pada 11 Ogos 2022 .*

BAHAGIAN SUMBER PERIKANAN TANGKAPAN

Merancang, membangun, menyelaras, melaksana dan memantau program pengurusan sumber perikanan yang boleh diperbaharui meliputi pembangunan perikanan tangkapan, dasar pelesenan negara, Akta Perikanan 1985, pengurusan sumber, perikanan rekreasi, dan perikanan darat bagi memastikan penerokaan sumber secara mapan di perairan negara dan laut lepas serta menjamin bekalan makanan negara, peningkatan pendapatan nelayan, dan mengurangkan kebergantungan import *(food security).*

CAWANGAN LAUT DALAM

